

Johor Selatan saingi China, India: Ghani

Kedudukan strategik jadi pusat perkembangan ekonomi

JOHOR BAHRU: Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) akan menjadi ikon pembangunan di rantau ini serta mampu bersaing dengan China dan India dalam menarik pelaburan asing.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata WPI bukan saja dipilih berikutan kedudukannya yang strategik tetapi juga kerana memiliki pelbagai kemudahan infrastruktur yang sudah dibangunkan pada masa ini.

Beliau berkata, kawasan berkenaan sudah mempunyai infrastruktur penting seperti pelabuhan, lapangan terbang, institusi Pengajian tinggi serta bekalan tenaga kerja mahir untuk menyambut arus pembangunan WPI.

"Johor Selatan kini menjadi pusat pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai bidang ekonomi khususnya pembuatan.

"Walaupun mendapat saingan China dan India yang menerima pelaburan asing pada paras yang besar, kita (Malaysia) tetap menjadi destinasi pelaburan asing dalam tempoh dua tiga tahun ini dengan Johor Selatan menjadi penerima terbesar terutama dalam bidang pembuatan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, melalui projek WPI dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang, kawasan Johor Selatan akan terus mencatatkan perkembangan dalam pelbagai bidang ekonomi termasuk pembuatan.

Beliau berkata, dengan kedudukan strategik dan kemudahan infrastruktur yang dibina dan dinaik taraf, Johor Selatan pasti akan menjadi pusat pembangunan ekonomi serta pelaburan di dalam dan luar negara serta menjadi destinasi kunjungan seluruh dunia.

"Rakyat Johor dan kerajaan negeri

akan memberikan komitmen sebagai tuan rumah dan penerima pelaburan terbaik untuk tinggal dan bekerja di Johor Selatan.

"Kami berterima kasih kepada Perdana Menteri dengan pandangan jauh dan visinya untuk menjadikan Johor Selatan sebagai metropolis yang mapan dan teguh dan dapat bersaing hebat di dunia dengan pelbagai pembangunan dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), Datuk Azman Mokhtar berkata, pihaknya tidak campur tangan dalam segala urusan dan peruntukan undang-undang membabitkan kuasa kerajaan tempatan, negeri dan Pusat dalam membangun dan melaksanakan WPI.

Beliau berkata, semua keputusan berhubung kelulusan tanah dan dasar tiga peringkat kerajaan itu akan di-

putusan Pihak Berkuasa Selatan Johor (SJA) yang dipengerusikan secara bersama Perdana Menteri dan Menteri Besar Johor.

Katanya, SJA mempunyai lapan ahli lembaga pengarah yang diketuai wakil daripada kerajaan Pusat, negeri, pakar ekonomi serta Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pengurusan WPI.

"Menteri Besar akan memperkerusi sebuah pusat sehenti yang dianggotai semua wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam kawasan WPI bagi memastikan segala dasar dan urusan dalam, bidang kuasa kerajaan negeri diputuskan," katanya di sini, semalam.

Azman berkata, keutamaan Khazanah untuk memastikan iklim pelaburan terus berkembang selain tempoh masa sistem penyampaian dalam WPI dipercepatkan tanpa kerehah birokrasi kerajaan.